



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

KONAKA

KONFERENSI AKADEMIK

2016

Pengkongsian Ilmu Dari Perspektif Islam

30 November 2016 | Rabu
UiTM Cawangan Pahang
Kampus Jengka



Formula 4P dalam Memperkasakan Perkongsian dan Penyebaran Ilmu

Muhammad Muzakkir Othman^{1*}, Mohd Kamal Azman Jusoh²,
Ahmad Fadhir Mat Dahan³, Amiruldin Md. Sham⁴, Norhapizah Mohd Burhan⁵

¹⁻⁵Academy Contemporary of Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA Pahang,
Kampus Jengka, Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang, Malaysia
ziekier@pahang.uitm.edu.my, mkamalzaman@pahang.uitm.edu.my, fadhir@pahang.uitm.edu.my,
amirulms@pahang.uitm.edu.my, izahuiaum@pahang.uitm.edu.my

*Penulis Rujukan

Abstrak: Ilmu adalah sesuatu yang berkembang dari satu zaman ke zaman. Namun yang paling utama ianya perlu dikongsi serta disebar untuk memastikan manfaat yang terhasil akan dapat dikongsi bersama. Dunia tanpa sempadan serta arus globalisasi tanpa kita sedari banyak mempengaruhi gerak kerja serta kehidupan. Kertas kerja ini cuba merungkai 4 konsep serta pendekatan yang perlu diimplimentasikan dalam kehidupan individu untuk memastikan pemerksaan dunia keilmuan dapat digerakkan. Antara yang dikemukakan adalah pendekatan 4P yang meliputi pendidik, penuntut ilmu, pendengar dan pencinta ilmu. Permasalahan kajian dalam penulisan ini adalah untuk menilai sejauhmanakah keberkesanan elemen penyebaran ilmu yang telah dipraktikkan oleh para pendakwah, sama ada menepati sasaran ataupun sebaliknya. Objektif kertas kerja ini untuk menjelaskan peranan komponen 4P ini amat penting dalam menggerakkan kesinambungan budaya perkongsian dan penyebaran ilmu. Hasilnya kombinasi 4P ini akan lebih memberi impak yang besar dalam perkongsian dan penyebaran ilmu lebih-lebih lagi dalam dunia tanpa sempadan ini, bukan hanya bergantung kepada gajet moden semata-mata bahkan ianya perlu digerakkan oleh ransangan dalaman seseorang individu.

Kata Kunci: 4P, Gajet, Globalisasi, Kesinambungan Ilmu

1. Pendahuluan

Ilmu adalah sesuatu maklumat yang pastinya berkembang dan sentiasa mengalami perubahan dari sudut penyampaian mengikut peredaran zaman. Islam sebagai sebuah agama yang amat meraikan serta menyanjung tinggi sebarang usaha untuk memartabatkan dunia keilmuan, sama ada ianya melibatkan ilmu yang bersifat duniawi mahupun ukhrawi. Namun dalam menggerakkan serta menjadikan perkongsian ilmu dapat digapai oleh segenap kelompok masyarakat ianya pasti memerlukan suatu jalinan atau kombinasi yang mantap daripada pelbagai sudut. Lantas kerana itu, Rasulullah SAW telah bersabda dalam sebuah hadith yang masyhur, yang menjelaskan kepentingan 4P ini:

كن عالماً، أو متعلماً، أو مستمعاً، أو محبباً ولا تكن الخامسة فتهلك

Maksudnya:

“Jadilah kamu orang yang alim, atau penuntut ilmu, atau pendengar ilmu atau pencinta ilmu. Jangan kamu menjadi golongan yang kelima, maka binasalah.”

(Riwayat al-Tabrani)

Rentetan itu, hadis ini telah mencetuskan satu idea untuk menerapkan empat formula utama (4P) di dalam menjayakan misi perkongsian ilmu menurut perspektif Islam. Empat Formula tersebut adalah pendidik, penuntut ilmu, pendengar dan pencinta ilmu. Keempat-empat formula tersebut akan diperincikan dalam penulisan kertas kerja ini agar ianya dapat

memberikan gambaran awal tentang kepentingan kombinasi ini. Skop kajian kertas kerja ini adalah tertumpu kepada kaedah serta pendekatan yang perlu digunakan dalam proses pengajaran serta perkongsian ilmu agar ianya menjadi terarah serta lebih memberi kesan dalam proses penyampaian ilmu.

Jika ditinjau dari sudut kajian-kajian lepas, kita dapat perhatikan bahawa sistem pendidikan Islam di Malaysia melalui beberapa peringkat masa. Ghazali Darusalam (2001), telah membahagikannya kepada zaman kerajaan Melayu Melaka, zaman penjajahan, zaman selepas merdeka, sistem pendidikan pondok. Namun penulisan ini amat menarik kerana beliau turut mengemukakan Metodologi Pengajaran Pendidikan Islam Yang Berkesan. Antara kaedah yang dikemukakan adalah kaedah soal jawab/perbincangan. Melalui kaedah ini seseorang guru perlulah merancang serta merangka soalan-soalan yang bakal dikemukakan dalam sesuatu sesi pembelajaran samada di sekolah mahupun di surau. Kaedah kedua adalah melalui pendekatan syarahan/kuliah/khutbah. Ini kerana Nabi Muhammad SAW sendiri menggunakannya terutamanya ketika *Al-Haj Al-Wida'* (Haji Perpisahan). Kaedah Imla' (Menulis) juga perlu diterapkan agar para penuntut ilmu tidak akan mudah hilang fokus dan dapat mencatat segala isi penting yang telah disampaikan oleh penceramah tersebut. Begitu juga kaedah bercerita perlu sentiasa diterapkan dalam sesi perkongsian dan penyebaran ilmu. Ini amat penting bagi mengelak para penuntut ilmu cepat merasa bosan atau hanya tertumpu pada teks kitab/buku. Kita boleh pelbagai kaedah atau skop penceritaan samada mengaitkannya dengan isu-isu semasa yang berlaku dalam masyarakat setempat mahupun isu-isu dunia semasa.

2. Metodologi Penulisan

Penulisan kertas kerja ini menggunakan metod kualitatif yang mana ianya tertumpu pada buku-buku bacaan umum serta kertas kerja yang berkaitan topik tersebut. Fokus kajian lebih kepada metod yang perlu diterapkan oleh seseorang pendakwah mahupun masyarakat awam agar penyebaran ilmu dapat dihayati dengan sebaik mungkin.

3. Pandangan Islam Terhadap Ilmu

Islam adalah agama ilmu yang pasti menitik beratkan serta memberikan perhatian utama terhadap dunia keilmuan. Ini kerana ummah yang maju dan berjaya merupakan ummah yang menguasai bidang keilmuan samada yang berbentuk keduniaan mahupun akhirat. Lantaran itu, Allah Ta'ala telah berfirman dalam surah al-Taubah:

Maksudnya:

“Tidak sepatutnya bagi mukminin itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk mendalami pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat memberi peringatan.”

(Al-Taubah 9:122)

Daripada firman tersebut dapat difahami dengan jelas pandangan Islam terhadap ilmu dan kepentingannya. Ilmu bukan hanya tertumpu untuk membangunkan kehidupan manusia, tetapi yang lebih utama adalah untuk menjadi panduan serta kompas kehidupan insan untuk membezakan antara yang baik dan buruk, dosa dan pahala, syurga dan neraka, hak dan batil.

4. Realiti Dunia Pendidikan dan Keilmuan Era Moden

Sesungguhnya setiap zaman pasti melalui detik perubahan. Begitulah juga dengan sistem pendidikan yang sentiasa mengalami arus perubahan serta selari dengan kemodenan. Jika disorot kembali sistem pendidikan pada era 80an serta 90an, pastinya amat berbeza dengan sistem serta kaedah pendidikan keilmuan pada zaman moden ini.

Ini jelas menjadikan penanda aras terhadap kepentingan ilmu. Hanya dengan ilmu keunggulan sesuatu bangsa dapat ditonjolkan serta menjadi ikutan seluruh ummah manusia. Apatah lagi dengan nilai ilmu keislaman yang dapat memandu serta memimpin manusia ke arah keselamatan dunia dan akhirat. Abdul Munir Yaakob (1994) menyatakan bahawa dunia moden pada hari ini seharusnya mengakui serta mengiktiraf sejarah kegemilangan keilmuan Islam zaman silam. Ini kerana ianya telah berjaya merubah serta membawa kemanan dan kesejahteraan dunia. Kegemilangan umat Islam dalam bidang keilmuan amat ketara terutamanya sekitar abad ke 8 hingga ke 12 Masihi. Penguasaan umat Islam ketika itu banyak tertumpu dalam bidang ilmu pengetahuan, sains dan teknologi sehingga seorang tokoh ilmuan Barat yang bernama Herbert A. Davies telah menukilkan kata-kata berikut:

“Mereka (orang-orang Islam) telah mendirikan universiti-universiti besar yang selama beberapa abad melebihi yang dipunyai oleh Eropah dan Kristian. Perpustakaan besar dibangunkan, antaranya mengandungi beratus ribu jilid buku yang semuanya berdaftar dan tersusun rapi. Ramai orang Kristian yang belajar di Universiti Qurtuba, kemudian telah membawa pulang ilmu serta kebudayaan ke negara mereka. Pengaruh serta inspirasi yang mereka perolehi daripada universiti Islam di Sepanyol amat besar terhadap dunia keilmuan universiti-universiti di Paris, Oxford dan universiti-universiti di Itali.”

Namun sejarah kegemilangan keilmuan Islam pada hari ini seolah-olah pelita yang kehabisan sumbernya. Simbolik kepada lemahnya umat Islam dalam penguasaan bidang keilmuan terutamanya yang melibatkan ilmu sains dan teknologi. Umat Islam perlu bergerak pantas selari dengan perubahan era moden yang menuntut kita untuk menguasai bidang sains dan teknologi termasuklah dalam dunia pendidikan. Oleh kerana itu perlunya satu gabungan atau kombinasi yang ampuh digembengkan secara bersama yang melibatkan pendidik, penuntut ilmu, pendengar dan pencinta ilmu.

a) Pendidik

Rasulullah SAW merupakan insan pertama yang menjadi pendidik kepada umat Islam, yang mengajar erti tauhid serta kehambaan kita kepada Allah Ta'ala. Islam begitu menyanjung serta meletakkan status pendidik pada satu tempat yang amat mulia sebagaimana hadis yang dinyatakan di atas. Begitu juga Saidina Ali pernah mengungkapkan kata-kata yang begitu mendalam untuk menggambarkan kemuliaan seorang yang bergelar pendidik ini:

من علمني حرفا كنت له عبدا

Maksudnya:

“Sesiapa yang mengajarkan aku walaupun satu huruf, aku pasti menjadi hamba kepadanya.”

Daripada kata-kata Saidina Ali ini amat jelas menjadi kayu ukur khususnya buat umat Islam untuk mendalami serta menuntut ilmu. Namun dalam proses menuntut ilmu ini, Islam telah menggariskan beberapa kriteria seorang pendidik yang perlu diutamakan. Kriteria ini telah digariskan juga oleh para ulama agar kita memperoleh ilmu yang berkat dan memberikan kebaikan kepada diri sendiri dan juga masyarakat.

5. Peranan Seorang Pendidik yang Berkualiti

Tajul Ariffin Noordin (1994) pernah menyatakan bahawa guru ataupun pendidik merupakan penggerak utama kepada revolusi ilmu. Beliau telah menggariskan beberapa peranan utama seorang guru mahupun pendidik, antaranya:

a) Seorang Pendidik Mestilah Kuat Pegangan Serta Amalan Agama

Tradisi inilah juga yang telah diamalkan serta dipraktikkan oleh ilmuan serta tokoh keilmuan Islam sejak dari dulu lagi. Penekanan demi penekanan terhadap bidang agama telah diberikan oleh keluarga terutamanya dalam menghafaz al-Quran. Zulkifli Mohamad al-Bakri (2015) telah menceritakan kembali sejarah hidup seorang ulama besar iaitu Syeikh Dr Wahbah al-Zuhaili yang mana ayahanda Syeikh yg bernama al-Haj Mustafa al-Zuhaili adalah seorang hafiz al-quran serta banyak beribadat serta solat berjemaah di masjid. Ayahanda Syeikh telah memberikan pendidikan awal kepada Syeikh agar dapat menguasai hafazan serta memahami agama pada peringkat awal usianya.

Inilah juga yang telah diajarkan oleh tokoh ilmuan Islam Ibnu Sina. Beliau menyarankan agar anak-anak diajarkan al-Quran sebaik sahaja mereka mempunyai persediaan dari segi kemampuan akal dan emosi untuk menerima pendidikan awal tersebut. Begitu juga Ibnu Khaldun menyarankan agar anak-anak kecil diberikan galakan untuk menghafaz al-Quran dan cuba menghayati kandungannya.

b) Mesti Mempunyai Minat serta Iltizam dengan Tugasnya dan Tanggungjawabnya

Hamzah Mohamed (1994), menyatakan seorang pendidik yang cemerlang seharusnya mempunyai minat, semangat serta sikap positif dalam amanah tugas yang dipikulnya itu. Tambahnya lagi, dunia pendidikan pada hari ini amat memerlukan pendidik yang lebih bersemangat serta mempunyai minat terhadap profesion tersebut. Ini kerana minat yang mendalam serta iltizam pada profesion tersebut akan menjadi satu faktor yang dapat menjadikan dunia pendidikan berkembang seiring dengan peredaran zaman dan kemajuan teknologi maklumat.

c) Mesti Mempunyai Kecemerlangan Ilmu

Seorang pendidik yang unggul sememangnya perlu mempunyai kecemerlangan dalam dunia keilmuan. Ini tidak bermakna kita perlu mendalami pengajian sehingga ke peringkat Doktor Falsafah dan sebagainya. Kecemerlangan yang dimaksudkan adalah latar belakang pengajian ilmu yang dimiliki benar-benar diakui dan diktiraf oleh dunia keilmuan dan masyarakat. Zulkifli Mohamad al-Bakri (2014) telah menukikan sejarah pendidikan seorang tokoh yang hebat Dr Abdul Rahman bin Humaid al-Sumaith. Beliau asalnya merupakan seorang doktor perubatan yang telah menyambung pengajian dalam bidang Sarjana Muda Kedokteran di Universiti Baghdad, Iraq. Kemudian beliau menyambung pengajiannya di Liverpool. Namun akhirnya beliau telah mewaqafkan umurnya dalam menyampaikan dakwah Islam ke Benua Afrika sehingga berjaya menubuhkan 5 buah universiti di Afrika, menggali telaga untuk penduduk sehingga menjangkau 12000 telaga.

b) Penuntut Ilmu

Formula kedua dalam memperkasakan perkongsian ilmu adalah peranan yang perlu digerakkan oleh penuntut ilmu. Andainya pendidik mempunyai tugas utama dalam menyampaikan ilmu, begitulah juga amanah yang perlu dipikul oleh seseorang penuntut ilmu. Mereka perlu belajar dengan bersungguh-sungguh demi menggapai sebuah amanah yang telah diberikan oleh Allah Ta'ala.

6. Ciri-ciri Penuntut Ilmu yang Cemerlang

Zulkifli Mohamad al-Bakri (2015) telah menggariskan beberapa kriteria atau ciri-ciri seorang penuntut ilmu yang cemerlang. Antaranya:

i) Ikhlas dalam Menuntut Ilmu

Ikhlas adalah satu ucapan dan kata-kata yang amat mudah dituturkan, namun amat sukar untuk di praktiskan. Lantaran itu para ulama telah menggariskan kaedah atau cara yang paling ampuh untuk menjadikan segala niat kita ini benar-benar ikhlas kerana Allah Ta'ala. Muhammad Nidzam Abdul Kadir (2014), menyatakan bahawa Imam al-Bukhari sendiri memulakan penulisan kitab Sahih al-Bukhari dengan hadis berkaitan niat. Sekaligus menunjukkan amat perlu untuk kita memperbetulkan niat kita sebelum menuntut ilmu. Rahsia di sebalik Imam al-Bukhari memulakan dengan hadis niat adalah supaya sesuatu amalan dimulai dengan niat yang baik semata-mata kerana Allah Ta'ala samada urusan tersebut lebih bersifat keduniaan mahupun akhirat.

ii) Kesabaran

Zulkifli Mohamad al-Bakri (2015), telah menukilkan sebuah syair oleh Ibn Hibban yang amat indah dan perlu dihayati maksudnya dengan mendalam:

“Berakhlaklah seperti orang yang mempunyai kesabaran untuk mendapatkan hajatnya...Orang yang sentiasa mengetuk pintu pasti akan dapat masuk.”

Inilah juga jalan yang telah ditempuhi oleh para ulama dan ilmuan Islam sebelum mereka bergelar sebagai seorang ulama ummah. Bahkan Imam al-Syafei juga ada menyebutkan bahawa untuk mendapatkan ilmu amat memerlukan kesabaran kerana jalan yang perlu dilalui pasti mengambil masa yang amat panjang.

Terdapat sebuah kisah yang dinukilkan oleh al-Khatib dalam kitab al-Jami': "Tha'lab daripada Huffaz al-Sunnah yang thiqah daripada gurunya yang bernama al-Fadl bin Said Ibn Salim berkata: "Ada seorang lelaki menuntut ilmu, tetapi tidak dapat menguasainya. Maka dia bertekad meninggalkannya. Tiba-tiba dia melalui kawasan di mana air yang jatuh dari bukit di atas batu. Selepas melihat batu tersebut menjadi lekuk kesan titisan air, seraya beliau berkata: "Air dengan sifat lembutnya dapat memberi bekas lekukan ke atas batu yang keras ini. Demi Allah aku akan menuntut ilmu." Kemudian beliau bangkit bersemangat untuk menuntut ilmu dan akhirnya mencapai kejayaan dalam bidang ilmu.

c) Pendengar Ilmu

Formula seterusnya untuk memperkasakan perkongsian ilmu adalah melalui pendengar ilmu. Maksudnya perlu ada sekelompok anggota masyarakat yang suka mendengar ilmu sama ada melalui ceramah di masjid, kaca televisyen, radio, akhbar dan sebagainya.

Hakikat yang perlu diakui, bukan semua manusia mempunyai kemampuan untuk menjadi pendidik. Begitu juga bukan semua mempunyai ruang masa yang mengizinkan untuk mereka menuntut ilmu secara sepenuh masa. Terkadang kekangan kesibukan kerja juga menghambat diri seseorang sehingga tidak ada selang waktu untuk mereka meluangkan masa untuk menuntut ilmu. Namun golongan ini tidak menjadikan alasan itu sebagai sebab utama untuk mereka mengasingkan diri dari dunia ilmu. Inisiatif demi inisiatif yang mereka lakukan telah memberikan ruang masa untuk mendapatkan ilmu. Tambahan pula dunia yang serba moden hari ini memudahkan seseorang itu untuk mendapatkan ilmu hanya di hujung jari dengan mendengarnya melalui MP3, You Tube, Whatssap, Facebook dan lain-lain lagi.

7. Ciri-ciri Pendengar yang Baik

Terdapat banyak ciri-ciri pendengar yang baik khususnya dalam dunia pendidikan, antaranya ialah:

i) Memberikan tumpuan/ fokus semasa mendengar

Zulkifli Mohammad al-Bakri (2011), telah menukilkan sebuah hadis Nabi SAW yang bermaksud “*Ajarlah anak-anak dan keluargamu segala kebaikan dan didiklah mereka*”. Daripada hadis tersebut dapat difahami bahawa adab merupakan akhlak yang sangat dititikberatkan oleh Rasulullah SAW kerana ianya merupakan gambaran awal kepada penampilan seseorang individu. Antara adab yang perlu di jaga oleh seorang pendengar ilmu adalah memberikan sepenuh perhatian semasa sesi kuliah atau pengajaran sedang berlangsung. Lebih-lagi pada zaman serba moden ini, elakkan daripada menggunakan telefon bimbit ketika mendengar, membaca sesuatu bahan ilmu.

ii) Mencatat segala isi penting

Seorang pendengar yang baik juga pastinya akan menulis serta menyalin segala isi-isi penting yang dikemukakan dalam sesi kuliah yang didengarinya mahupun buku yang dibacanya. Amalan mencatat ini amat penting dan perlu diamalkan kerana ianya melatih kita lebih fokus dan mengambil berat setiap apa yang disampaikan, yang didengari serta yang dibaca.

d) Pencinta ilmu

Formula yang terakhir untuk memperkasakan perkongsian ilmu adalah peranan yang digerakkan oleh pencinta ilmu. Kelompok pencinta ilmu dalam perbincangan kertas kerja ini diklasifikasikan sebagai kelompok yang tidak mempunyai kemampuan untuk menjadi Pendidik, Penuntut Ilmu, Pendengar Ilmu. Namun jauh disudut hati mereka masih lagi mempunyai perasaan cintakan ilmu dan cintakan para ulama. Sebagai gambaran awal kepada kelompok pencinta ilmu ini, penulis membawakan kata-kata hikmah:

فَتَشَبَّهُوا إِنْ لَمْ تَكُونُوا مِثْلَهُمْ إِنَّ التَّشَبَّهَ بِالْكَرَامِ فَلَاحُ

Maksudnya:

“*Contohnya sekalipun kamu tidak setara dengan mereka, kerana mencontohi mereka yang mulia itu pasti mendapat kemenangan.*”

Nazneen bt Ismail (2016) telah mengemukakan definisi cinta berdasarkan Kamus Dewan. Cinta adalah perasaan sangat sayang atau perasaan yang terlalu mendambakan sesuatu untuk dimiliki. Dalam bahasa Inggeris ianya disebut sebagai *love, passion*. Sebaliknya dalam

bahasa Arab disebut sebagai *al-Hubb*. Namun kesemua definisi tersebut mempunyai persamaan sebagai gambaran perasaan kasih, rindu dan sebagainya.

8. Ciri-ciri pencinta ilmu

Antara ciri-ciri seorang pencinta ilmu (Nazneen bt Ismail, 2016) yang dapat digariskan di sini ialah:

i) Suka Membaca

Terdapat pelbagai cara serta metod yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan untuk menyuburkan serta menggalakkan tabiat dan hobi membaca ini. Antaranya dengan membacanya terus melalui buku. Bahkan pada zaman serba moden ini sesebuah buku sudah dapat dibaca hanya dengan menggunakan perisian e-book yang boleh dilanggan terus dengan penerbit nahupun penulis tersebut.

Para Ilmuwan Islam juga perlu menggunakan segala kemudahan moden ini untuk turut menyuburkan minat membaca di kalangan umat Islam dengan menyediakan kemudahan e-book dan sebagainya. Abdul Syukur Hussain (2016) dalam kertas kerjanya telah menyatakan bahawa pentingnya pembangunan fizikal dan penyediaan fasiliti moden untuk membantu para pelajar. Ini kerana ianya sedikit sebanyak merupakan keperluan yang harus disediakan oleh pihak berkenaan untuk membantu para pelajar.

ii) Suka Bergaul Dengan Ilmuwan/Ulama

Antara sikap yang perlu dimiliki oleh seorang pencinta ilmu adalah suka bersuhbah (bergaul) dengan para ilmuwan ataupun ulama. Hal ini pun turut dinyatakan oleh Baginda Nabi SAW dalam sebuah hadisnya:

Dalam sebuah hadis Rasulullah SAW menjelaskan tentang peranan dan kesan seorang teman dalam sabda baginda SAW:

مَثَلُ الْجَلِيسِ الصَّالِحِ وَالسَّوِّءِ كَمَثَلِ الْمِسْكِ وَنَافِخِ الْكَبِيرِ ، فَحَامِلُ الْمِسْكِ إِذَا أُنْجِدَ مِنْهُ ، وَإِمَّا أَنْ تَبْتَاعَ مِنْهُ ، وَإِمَّا أَنْ تَجِدَ مِنْهُ رِيحًا طَيِّبَةً ، وَنَافِخِ الْكَبِيرِ إِذَا أُنْجِرِقَ ثِيَابُكَ ، وَإِمَّا أَنْ تَجِدَ رِيحًا خَبِيثَةً

Maksudnya:

“Perbandingan teman yang baik dan teman yang buruk ibarat seorang penjual minyak wangi dan seorang tukang besi. Penjual minyak wangi mungkin akan memberimu minyak wangi, atau engkau akan membeli minyak wangi darinya, dan walaupun tidak, engkau tetap mendapatkan bau harum darinya. Sedangkan tukang besi, mungkin (percikan apinya) mengenai pakaianmu, dan walaupun tidak engkau tetap mendapatkan bau asapnya yang tak enak.”

(Riwayat Bukhari & Muslim)

Imam An Nawawi rahimahullah juga telah menghuraikan hadis ini dalam kitab Sahih Muslim. Ianya menjadi petunjuk yang penting untuk kita sentiasa mendampingi serta bersahabat dengan insan-insan yang mulia khususnya para ilmuwan, ulama. Ini kerana rahmat Allah Ta’ala akan sentiasa memayungi mereka yang mendampingi kekasih-kekasih-Nya (ulama).

9. Kesimpulan

Sesungguhnya masyarakat hari ini amat dahagakan ilmu untuk mendepani dunia moden beraruskan globalisasi, dunia tanpa sempadan yang banyak mengundang unsur-unsur negatif. Rentetan itu, kesemua pihak perlu memainkan peranan yang pro aktif untuk memperkasakan kembali serta menyuburkan semula sejarah kegemilangan keilmuan Islam. Formula 4P yang cuba dikemukakan ini sebenarnya telah dinyatakan oleh Junjungan Mulia Nabi Muhammad SAW dalam hadis di atas, namun tidak menjadi suatu kesalahan andainya kita cuba implementasikannya dalam bentuk yang bersesuaian dengan zaman moden ini. Andainya kombinasi 4P ini dapat direalisasikan semula dalam masyarakat, pasti kegemilangan keilmuan Islam dan ummahnya akan muncul kembali. Insy Allah.

10. Rujukan

- e-Proceeding of the 3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization ICASIC2016 (e-ISBN 978-967-0792-08-8). 14-15 March 2016. Kuala Lumpur.
- Ismail Hj Ibrahim. (1994). *Ilmu Dan Kecemerlangan Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam (IKIM).
- Ghazali Darusalam. (2001). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohammad Nidzam Abdul Kadir. (2014). *Memburu Keberkatan Ilmu*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Mohammad Shatar Sabran. (2006). *Tip Pendidik Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Seminar Ulama Pahang kali ke-5 “ Ulama dan Umara’ Pemangkin Penyatuan Ummah”. 23-24 Mei 2016. Kuantan.
- Yaakub Isa. (1994). *Guru Yang Efektif*, Pahang, Jawatankuasa Perayaan Hari Guru Peringkat Negeri Pahang 1994.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2011). *Nota Buat Anakku*. Bangi: Darul Syakir Enterprise.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2014). *Dr Abdul Rahman Humaid al-Sumaith*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2015). *Syeikh Dr Wahbah al-Zuhaili Yang Ku Kenali*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2015). *Syeikh Dr Yusuf al-Qaradhawi Siapakah Beliau?*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2015). *Tinta Nasihat Untuk Penuntut Ilmu*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2013). *Syeikh Muhammad Said Ramadan al-Buthi Yang Ku Kenali*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi.